

Bil. S 33

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2017/2018) (BIL. 3), 2018

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 12/2017) bertarikh 26 haribulan Januari 2017 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuat kuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan Perintah tersebut, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh bab 10(3) dari Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan) bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, jika Baginda berpuas hati bahawa suatu keperluan yang segera dan tidak diduga telah timbul bagi perbelanjaan yang tidak ada dalam peruntukan lain dan wang tidak dapat diadakan di bawah bab 13(4) dari Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan), membuat pinjaman dari Kumpulanwang Luarjangka untuk memenuhi keperluan itu.

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat bilion dan enam ratus juta ringgit (\$4,600,000,000.00) telah diperuntukkan oleh Akta Perbekalan (2017/2018), 2017 (Akta 1 tahun 2017).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua puluh sembilan juta, lapan ratus lapan puluh tujuh ribu, empat ratus lapan puluh tiga ringgit (\$29,887,483.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2017/2018) (Bil. 1), 2017 (S 73/2017).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang sebelas juta, lapan ratus lapan puluh lima ribu, dua ratus tujuh puluh lapan ringgit (\$11,885,278.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2017/2018) (Bil. 2), 2018 (S 1/2018).

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak tiga puluh juta, satu ratus dua puluh sembilan ribu, tujuh ratus lima belas ringgit (\$30,129,715.00).

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2017/2018) (Bil. 3), 2018.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2017/2018, peruntukan dan penggantian jumlah wang yang dipinjamkan dari Kumpulanwang Luarjangka

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi tiga puluh juta, satu ratus dua puluh sembilan ribu, tujuh ratus lima belas ringgit (\$30,129,715.00) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual bagi tahun 2017/2018, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2017/2018), 2017 (Akta 1 tahun 2017), Perintah Perbekalan Tambahan (2017/2018) (Bil. 1), 2017 (S 73/2017) dan Perintah Perbekalan Tambahan (2017/2018) (Bil. 2), 2018 (S 1/2018), adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Bagi maksud-maksud ceraian (1), jumlah wang yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual adalah diperuntukkan bagi tajuk perbelanjaan yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual tersebut.

(3) Penggantian jumlah wang tersebut dengan jumlah wang yang dinyatakan dalam ruang keempat Jadual, yang merupakan jumlah wang yang dipinjamkan dari Kumpulanwang Luarjangka, adalah dengan ini dibenarkan.

JADUAL

<i>Tajuk perbelanjaan</i>	<i>Gelaran</i>	<i>Jumlah wang yang diperuntukkan</i>	<i>Pinjaman dari Kumpulanwang Luarjangka</i>
	JABATAN PERDANA MENTERI		
SA01A	Jabatan Perdana Menteri	\$700,000.00	\$700,000.00
SA07A	Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat	\$500,000.00	\$500,000.00
	KEMENTERIAN PERTAHANAN		
SB01A	Jabatan Kementerian Pertahanan	\$8,000,000.00	\$8,000,000.00
	KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN		
SC01A	Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan	\$250,000.00	\$250,000.00
	KEMENTERIAN KEWANGAN		
SD09A	Perkhidmatan Rampaian	\$6,795,562.00	\$6,795,562.00
	KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI		
SE01A	Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	\$87,600.00	\$87,600.00
SE06A	Pejabat Daerah Brunei dan Muara	\$250,600.00	\$250,600.00
SE07A	Pejabat Daerah Belait	\$17,498.00	\$17,498.00
SE08A	Pejabat Daerah Tutong	\$314,400.00	\$314,400.00
SE09A	Pejabat Daerah Temburong	\$90,240.00	\$90,240.00
	KEMENTERIAN PENDIDIKAN		
SF01A	Kementerian Pendidikan	\$6,141,815.00	\$6,141,815.00

JADUAL — (Sambungan)

<i>Tajuk perbelanjaan</i>	<i>Gelaran</i>	<i>Jumlah wang yang diperuntukkan</i>	<i>Pinjaman dari Kumpulanwang Luarjangka</i>
	KEMENTERIAN SUMBER- SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN		
SH04A	Jabatan Pertanian dan Agrimakanan	\$5,760,000.00	\$5,760,000.00
	KEMENTERIAN PERHUBUNGAN		
SN05A	Jabatan Pengangkutan Darat	\$1,222,000.00	\$1,222,000.00
		\$30,129,715.00	\$30,129,715.00

Diperbuat pada hari ini 12 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1439 bersamaan dengan 25 haribulan Julai, 2018 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**